

Sedekad

YANG LALU

UM 12/11

Banjir di ibu kota

SEDEKAD yang lalu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menyediakan beberapa strategi baru dalam menghadapi bencana banjir akibat musim tengkujuh terutama di kawasan pantai timur. Antara persediaan awal ialah memberikan perkhidmatan ramalan banjir bagi kawasan yang berdekatan dengan sungai utama.

JPS juga menggiatkan kerja-kerja kejuruteraan seperti pembesaran sungai dan parit selain mencadangkan strategi baru mencegah banjir iaitu mengurangkan larian air di permukaan sungai selepas hujan.

Sedekad telah berlalu dan kini, hujan lebat di ibu kota Kuala Lumpur mengakibatkan berlaku keadaan kelam-kabut dengan beberapa kawasan mengalami banjir kilat. Beberapa jalan utama teruk dilanda banjir termasuk Jalan Travers di Bangsar, Jalan Pantai Baru, Jalan Bukit Pantai, Jalan Tun Sambanthan di Brickfields dan Lebuhraya Persekutuan.

Sistem yang dilakukan oleh JPS dan pihak berkuasa terbabit dalam mengatasi masalah banjir ini mestilah bersifat lebih global. Pemantauan dan penelitian terhadap kawasan yang selalu banjir ini harus dilakukan bukan sahaja ketika musim tengkujuh malahan sepanjang masa bagi menjaga kepentingan negara dan masyarakat umum daripada mengalami kerugian akibat sesuatu yang boleh dielakkan.

— Sumber: *Utusan Malaysia* 9.11.1996